

Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Antara Tahun 2014 dan Tahun 2015

Nurkaliza Binti Khalid, Noor Fadzilah Abdul Rahman &
Rafiza Kasbun

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000
Kajang, Selangor.*

nurkaliza@kuis.edu.my

Abstrak. Kemahiran insaniah adalah penting dalam hampir setiap bidang pekerjaan. Ini adalah kerana kebiasannya organisasi akan memilih calon pekerja daripada kalangan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah serta kemahiran teknikal. Bagaimanapun, kajian tentang sejauh mana kemahiran ini dimiliki oleh pelajar institusi pengajian tinggi tempatan masih belum banyak dilakukan. Justeru, kertas kerja ini cuba mengupas isu tersebut berdasarkan perbandingan analisis dapatan yang diperolehi melalui borang penilaian kemahiran insaniah pelajar latihan industri bagi tahun 2015 dan tahun 2014 yang diisi oleh penyelia syarikat. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan ujian-t. Dapatan kajian mendapati hampir kesemua kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya, dapatan kajian mendapati kebolehan mengeluarkan dan mempertahankan idea, etika kerja, penampilan serta keyakinan diri serta dedikasi terhadap tugas menjadi pembeza efektif dalam menerangkan perbezaan kemahiran insaniah pelajar antara tahun 2015 dan tahun 2014. Kajian ini memberi implikasi yang bermakna kepada pelajar prasiswazah, majikan dan fakulti.

Kata Kunci: Tren, persepsi majikan, latihan industri.

PENGENALAN

Cabaran utama yang perlu dihadapi dalam menjadikan Malaysia sebagai negara maju adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang produktif. Pembentukan masyarakat yang produktif akan dapat memanfaatkan teknologi bagi menyumbang kepada peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan. Kemahiran sumber manusia adalah unsur penting dalam menangani cabaran ini. Justeru, kemahiran tersebut perlu dipertingkatkan samada melalui pendidikan atau latihan yang tersusun serta komprehensif.

Ledakan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dan globalisasi di Malaysia menyebabkan majikan lebih berhati-hati sewaktu memilih pekerja. Selain dari kemahiran teknikal, majikan kini turut mementingkan kemahiran insaniah sebagai keperluan utama bagi setiap pekerja supaya mereka dapat bekerja dengan baik dan cekap. Majikan berpandangan bahawa para pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah akan dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan bersifat serba boleh. Oleh itu, bagi majikan, kemahiran insaniah adalah penting dalam penjanaaan ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Malangnya, kebanyakan graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia masih dianggap kurang menguasai kemahiran insaniah oleh majikan [1,2]. Ini menyebabkan peningkatan kadar pengangguran. Malahan, berdasarkan kajian oleh [3] ke atas lulusan politeknik mendapati bahawa 50.5% graduan politeknik menganggur selama hampir sembilan bulan setiap tahun disebabkan oleh masalah kekurangan kemahiran insaniah. Maka, IPT perlu memainkan peranan dalam menangani permasalahan ini.

Kajian ini berkisar pada kajian tindakan mengenai kemahiran insaniah graduan prasiswazah melalui pandangan majikan latihan industri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti komponen kemahiran insaniah yang kurang dikuasai oleh graduan supaya boleh dititikberatkan oleh pihak berwajib. Ia dimulai dengan sorotan literatur berkaitan kemahiran insaniah dan kepentingannya di alam pekerjaan. Bahagian seterusnya akan menerangkan tentang kemahiran insaniah pelajar dan diikuti pula dengan mengenal pasti perbezaan kemahiran insaniah antara pelajar tahun 2014 dan 2015. Kertas kerja ini diakhiri dengan perbincangan dan kesimpulan.

DEFINASI KEMAHIRAN INSANIAH

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kemahiran insaniah seperti “key competencies”, “soft skills”, “key skills”, “core skills”, atau “employability skills”. [4] mendefinisikan kemahiran insaniah sebagai kemahiran yang boleh digunapakai merentasi pelbagai pekerjaan. Ia termasuk kemahiran kompetensi tapi menjangkau lebih lagi termasuk kognitif, kemahiran personal dan interpersonal yang relevan dengan kebolehpasaran kerja. [5] memberikan definisi kemahiran insaniah sebagai kemahiran teras yang diperlukan pelajar dalam meningkatkan kemahiran diri dan keupayaan individu dalam pelbagai bidang sewaktu bekerja. Kemahiran ini merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran melibatkan nombor, kemahiran pengurusan maklumat dan penggunaan teknologi, kemahiran belajar dalam kumpulan dan kemahiran pengurusan projek. Sementara itu, [6] dalam penjelasan lanjut mengenai takrifan kemahiran insaniah menyatakan bahawa terdapat pelbagai termonologi yang berbeza di setiap negara. Namun umumnya, masyarakat mengakui bahawa kemahiran insaniah adalah kemahiran yang amat diperlukan pada masa kini.

Ianya merangkumi kemahiran teras, kemahiran berfikir, kemahiran personal, kemahiran keusahawanan dan kemahiran komunikasi.

Kemahiran insaniah telah dinobatkan sebagai pemangkin kebolehpasaran kerja di arena sejagat. Menteri Pengajian Tinggi, [7] telah melaporkan bahawa kejayaan sebuah negara di dalam era sejagat yang berteraskan pengetahuan adalah bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki dan inovasi yang dihasilkan. Maka, adalah menjadi tanggungjawab IPT untuk merealisasikan dan melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan serta menjadi modal insan kelas pertama. Justeru, sistem pendidikan Malaysia telah menerapkan kemahiran insaniah sebagai pendekatan yang dirangka dan diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bagi membangunkan modal insan para pelajar IPT. Malahan kemahiran insaniah turut digariskan sebagai satu daripada agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9). Rancangan ini seterusnya telah diterjemahkan ke dalam Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Terkini, pelan induk pendidikan 2013-2025 juga telah meletakkan anjakan dalam menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa sebagai usaha untuk menitik beratkan kemahiran insaniah di kalangan graduan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan perbezaan maklum balas majikan terhadap kemahiran insaniah pelajar Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) yang mengikuti latihan industri di organisasi mereka. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti komponen kemahiran insaniah yang menjadi pembeza efektif dalam menerangkan perbezaan antara kemahiran insaniah pelajar pada tahun 2014 dan tahun 2015. Persoalan kajian yang di bina adalah:

- (1) Apakah komponen kemahiran insaniah yang telah dikuasai dan yang belum dikuasai oleh pelajar pada tahun 2015?
- (2) Adakah kemahiran insaniah pelajar tahun 2015 berbeza dengan pelajar tahun 2014?

METODOLOJI KAJIAN

Latihan industri di FSTM merupakan kursus wajib (6 unit) dijalani oleh setiap pelajar selama 12 minggu pada semester terakhir pengajian. Di akhir latihan industri, prestasi pelajar dinilai oleh penyelia organisasi (majikan) melalui satu borang penilaian. Kajian ini menganalisis borang penilaian yang diisi oleh penyelia organisasi (majikan) pada tahun 2015. Sampel dipilih secara rawak sistematik dan ditentukan berdasarkan persempelan [8] iaitu bagi pelajar yang mempunyai populasi 90 orang, bilangan saiz sampelnya ialah 73 orang. Justeru, sebanyak 83 borang penilaian telah berjaya dianalisis, borang

penilaian selebihnya tidak dapat dianalisis kerana hilang, rosak ataupun tidak jelas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan pecahan item dalam soalselidik kepada majikan. Item dibahagikan kepada lima elemen berdasarkan skop kemahiran insaniah. Lima (5) daripada tujuh (7) elemen kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh KPTM telah diterapkan dalam soalselidik ini iaitu kemahiran komunikasi (CS), kemahiran kerja berpasukan (TW), pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (CT), etika dan moral profesional (ME) serta pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat (LLL).

Kajian adalah berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik dalam skala Likert-5-mata yang dibangunkan oleh [9] serta mengandungi satu pendapat neutral atau “tidak pasti” pada skala mata 3. Menurut [10], skala ini memberikan kelonggaran kepada penilai untuk tidak berasa dipaksa mengemukakan pendapat jika penilai tidak mempunyai sebarang pendapat. Manakala, skala mata 1 adalah merujuk kepada “sangat tidak setuju”, skala mata 2 untuk “tidak setuju”, skala mata 4 untuk “setuju” dan skala mata 5 untuk “sangat setuju”.

Jadual 1. Item soal selidik berpandukan elemen kemahiran insaniah

Kemahiran komunikasi (CS)
CS 1. Kemahiran bersosial dan kemahiran komunikasi
CS 2. Kualiti pembabitan diri melalui mutu tugas yang dilakukan
Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (CT)
CT 1. Kemahiran logikal dan analitikal dalam menjalankan tugas
CT 2. Mengambil inisiatif sendiri serta berdikari dalam melaksanakan tugas
Kemahiran kerja berpasukan (TW)
TW 1. Kebolehan mengeluarkan dan mempertahankan idea
TW 2. Kesiediaan mempelajari kemahiran baru
Etika dan moral profesional (ME)
ME 1. Etika kerja, penampilan serta keyakinan diri
ME 2. Tahap penerimaan tugas serta tanggungjawab
Pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat (LLL)
LLL 1. Ketepatan masa serta penyeliaan masa dalam meaksanakan suatu tugas
LLL 2. Berdedikasi terhadap tugas

Data yang dikumpul melalui borang penilaian penyelia organisasi (majikan) dan telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan ujian-t. Analisis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar. Manakala ujian-t digunakan untuk membandingkan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar latihan industri tahun 2015 dan 2014. Dapatan kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan memenuhi objektif dan seterusnya mencapai matlamat kajian yang dikemukakan sebagaimana dibincangkan seterusnya.

i) Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah

Tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kajian ini ditentukan berdasarkan peraturan umum oleh [11] yang menyatakan bahawa skor-skor dalam borang penilaian boleh digunakan untuk menggambarkan satu magnitud yang bersifat kontinum. Skor yang tinggi menunjukkan magnitud yang besar, manakala skor yang rendah menunjukkan magnitud yang kecil. Berdasarkan kriteria ini, skor 4 hingga 5 menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi dan skor 3 hingga 4 menunjukkan tahap yang sederhana.

Analisis statistik secara deskriptif iaitu min digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1. Berdasarkan Jadual 2, analisis min setiap elemen kemahiran insaniah, menunjukkan min bagi kesemua elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi (min=4.31), kemahiran kerja berpasukan (min=4.29), pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (min=4.28), etika dan moral profesional (min=4.44) serta pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat (min=4.36) didapati berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam pasukan, kemahiran etika dan moral professional dalam kerjaya serta bertanggungjawab dan mempunyai kemahiran pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat yang baik.

Seterusnya, analisis setiap item kemahiran insaniah dilakukan untuk mengetahui secara terperinci item kemahiran insaniah yang berjaya dikuasai dan yang belum dikuasai oleh pelajar. Jadual 2 menunjukkan min bagi kesemua item kemahiran insaniah telah mencapai skor yang tinggi (min>4.00). Min yang tinggi ini menunjukkan bahawa pelajar latihan industri mempamerkan mutu kerja yang profesional semasa tempoh latihan berlangsung, mampu bekerja dengan baik dalam pasukan, berkebolehan menguruskan masa serta mempunyai tahap komunikasi yang baik. Selain itu, majikan turut berpuas hati dengan kemahiran pelajar menyelesaikan masalah yang timbul dalam proses latihan.

ii) Perbezaan Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun 2014 dan Pelajar Tahun 2015

Dalam menjawab persoalan kajian 2, perbandingan min tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar latihan industri FSTM tahun 2015 dengan pelajar

latihan industri FSTM tahun 2014 dilakukan. Tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar tahun 2014 diperoleh daripada [12] yang menganalisis sebanyak 39 borang penilaian yang diisi oleh penyelia syarikat pada tahun 2014. Analisis ujian-t digunakan untuk meneliti perbezaan yang bererti di antara item kemahiran insaniah antara dua tahun yang terlibat pada aras .05.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar latihan industri FSTM tahun 2015 mempunyai tahap penguasaan kemahiran insaniah pada tahap yang tidak berbeza dengan tahap kemahiran tahun 2014. Ujian-t melalui Jadual 2 menunjukkan bahawa daripada 10 item kemahiran insaniah yang diuji, hanya tiga item iaitu kebolehan mengeluarkan dan mempertahankan idea, etika kerja, penampilan serta keyakinan diri serta dedikasi terhadap tugas menunjukkan perbezaan yang bererti ($t > 1.960$). Perbandingan min 7 item kemahiran insaniah yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang bererti. Ini bermakna pelajar FTSM tahun 2014 dan 2015 mempunyai tahap penguasaan kemahiran insaniah yang tidak jauh berbeza.

Jadual 2Ujian-t kemahiran insaniah di antara pelajar 2015 dan 2014

Elemen dan Item Kemahiran Insaniah	Tahun 2014		Tahun 2015		Nilai-t	Nilai-p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai		
CS 1	4.41	0.75	4.25	0.75	1.0989	$p > 0.05$
CS 2	4.23	0.67	4.37	0.66	1.0874	$p > 0.05$
TW 1	4.36	0.78	4.00	0.73	2.4851	$p < 0.05$
TW 2	4.62	0.59	4.58	0.63	0.3336	$p > 0.05$
CT 1	4.15	0.71	4.19	0.72	0.2874	$p > 0.05$
CT 2	4.13	0.80	4.36	0.73	1.5736	$p > 0.05$
ME 1	4.51	0.72	4.23	0.70	2.0417	$p < 0.05$
ME 2	4.46	0.76	4.49	0.67	0.2208	$p > 0.05$
LLL 1	4.61	0.71	4.39	0.83	1.4273	$p > 0.05$
LLL 2	4.13	0.83	4.49	0.71	2.4722	$p < 0.05$

CADANGAN KAJIAN

Berikut adalah saranan untuk menambahbaik proses latihan industri berdasarkan dapatan kajian:

(a) Pelajar

Pelajar seharusnya berusaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan diri masing-masing samada dalam bidang pengetahuan yang dipelajari seiring dengan perkembangan teknologi dan kemahiran teknikal serta menambah kemahiran-kemahiran yang menjadi prasyarat untuk seseorang pelajar itu diterima oleh sektor pekerjaan. Permintaan majikan di sektor pekerjaan kini menuntut kemahiran yang pelbagai bagi mengisi jawatan yang ditawarkan.

Dapatan kajian ini mencerminkan perubahan permintaan daripada majikan yang memerlukan pelajar yang bukan hanya cemerlang dari segi akademik tetapi mereka turut berkemampuan untuk berfungsi dan menyesuaikan diri dalam sesebuah organisasi. Justeru, peluang yang ada semasa menjalani latihan industri haruslah dipergunakan sebaik mungkin untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru yang tidak dapat diperolehi di FSTM. Jangkamasa tiga bulan merupakan satu jangkamasa yang panjang dan jika dimanfaatkan sebaiknya boleh menjanjikan kelebihan kepada para graduan apabila bersaing untuk mendapatkan pekerjaan.

(b) Fakulti

Dapatan kajian turut menjurus kepada keperluan dalam memantapkan lagi pelajar dalam menguasai elemen-elemen utama kemahiran insaniah. Antara perkara-perkara yang dapat dilaksanakan adalah:

- i. Memperkasakan kemahiran komunikasi pelajar terutamanya untuk membentuk pelajar yang berkeyakinan semasa berkomunikasi di depan khalayak ramai samada dari segi membuat pembentangan, menyuarakan pandangan dan juga yakin dalam kebolehan mempertahankan pendirian apabila di kritik melalui peningkatan kualiti pengajaran dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris serta menerapkan elemen pembentangan dalam kurikulum.
- ii. Mengembangkan kemahiran kepimpinan serta meningkatkan jati diri melalui penyertaan aktif para peajar dalam aktiviti ko-kurikulum, berpersatuan dan melalui khidmat masyarakat untuk meningkatkan tahap etika kerja, penampilan serta keyakinan diri serta tahap dedikasi terhadap tugas di kalangan pelajar.

KESIMPULAN

Oleh kerana purata mata hampir kesemua elemen kemahiran insaniah bagi kedua-dua tahun adalah melebihi 4.0 (“setuju”), maka ketetapan am yang boleh diambil adalah tahap kemahiran insaniah bagi pelajar latihan industri adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan yang boleh diisi berdasarkan dapatan kajian. Bagaimanapun, yang pasti, jalinan hubungan FSTM dan pihak industri melalui program latihan industri pelajar merupakan satu pelaburan yang mendatangkan keuntungan buat kedua-dua belah pihak dan seterusnya pada pelajar dan negara.

REFERENCES

- [1] Azami Zaharim, Yuzainee Md Yusoff & Mohd Zaidi Omar. 2009. Employers Perceptions and Expectation toward Engineering Graduates: A Case Study. Proceedings of the 6th WSEAS International Conference on Engineering Education, Rodos, Greece, July 22-24. ISSN: 1790-2769.
- [2] Mohamad Sattar R, Md Yusop I, Napsiah I, Muhammad Rashid R, Rose Amnah A R. 2009. Peranan Institusi pendidikan teknikal di dalam pemupukan kemahiran *Employability* pelajar Journal Teknologi, 50 (E) Jun 2009: 113 – 127 UTM
- [3] Mohamed Rashid Navi Bax & Mohd Rashahidi Mohamood. 2005. The Year 2004 Polytechnic Convocation Survey. Proceedings of National Seminar The Development of Technology and Technical-Vocational Education and Training in an Era of Globalization: Trend and Issues. Kuala Lumpur.
- [4] Kearns, P. 2001. *Generic Skills For The new Economy* – review of research, NCVER Adelaide.
- [5] Zalizan Jelas & Norzaini Azman. 2006. Generic skills provision in high education. *International Journal of Learning* Vol. 12: 1447-1467.
- [6] Jennifer, G. 2004. Generic skills in vocational education and training: Dalam Jennifer, G. Research readings, halaman 7-18. Australia National Training Authority (ANTA): National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Australia.
- [7] Mohamed Khaled N. 2008. Mengubah scenario global dalam pengajian tinggi. Seminar pengurusan akademik IPT 2008.
- [8] Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for research activities.
- [9] Likert, R. 1931. A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*. 22,140, 1-55.
- [10] Croasmun, James T; Ostrom, Lee. 2011. Using Likert-Type Scales in the Social Sciences. *Journal of Adult Education*.40,1, 19-22.
- [11] Nugent, W., J. Sieppert & W. Hudson 2001. Practice Evaluation for the 21st Century. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- [12] Nurkaliza Khalid, Rahmahtunnisah Sailin, Norziah Othman, Nor ‘Adha Ab Hamid, Abdul Hadi Awang, Mohd Farok Mat Nor. 2014, International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014), KL, 17 – 18 November 2014.